

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 27 RABU 2 JULAI, 1969 1389 ربيع الاخير 16 رابو PERCHUMA



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ketika berucap sa-belum merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Mulaud pada hari Jumaat lepas.

Tarikh penutup di-lanjutkan

BANDAR BRUNEI.—Tarikh penutup bagi menyertai Seminar Pendidikan anjoran Seksi Pendidikan Majlis Belia Negeri Brunei telah di-lanjutkan hingga 7 Julai ini.

Seminar yang julong2 kalinya di-anjarkan oleh M.B.B. itu akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai 1 Ogos hadapan.

Ia-nya bukan hanya terbuka kepada ahli2 persatuan belia di-seluruh negeri bahkan juga kepada orang2 perseorangan.

Bayaran bagi menyertai seminar tersebut ia-lah \$3.00 bagi tiap2 sa-orang.

Borang2 yang telah di-isikan bersama2 wang bayaran masuk hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Seminar Pendidikan di-alamat peti surat 434, Bandar Brunei.

Kenaikan harga2 barang? Pmk. M.B. beri amaran peniaga2

MULAUT. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara telah memberi amaran kepada pekedai2 di-negeri ini berikutan dengan ura2 kenaikan harga2 barang makanan yang konon-nya sa-bagai akibat dari kenaikan gaji memperingati Istiadat Perpuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau menegaskan, jika perkara itu berlaku, maka Kerajaan akan berikhtiar bagi mengambil satu langkah yang nanti-nya akan hanya menyekat kelichinan perjalanan perniagaan yang berkaitan itu.

Kenyataan ini di-buat beliau sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Mulaud, bahagian Brunei 11 dalam minggu lepas.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar berkata, perubahan harga barang2 dan perkhidmatan pada asas-nya ada-lah antara lain bergantung kepada jumlah pengeluaran dengan jumlah kehendak pengguna barang2 dan perkhidmatan2 itu.

“Jika terdapat kenaikan harga barang2 di-sebabkan oleh pengurniaan kenaikan gaji itu, maka perbuatan itu ada-lah bertentangan dengan kemewahan raayat yang boleh mendatangkan satu chronic yang merbahaya,” tegas beliau.

Jika keadaan itu timbul, kata beliau, maka pihak2 peniaga ada-lah pihak2 yang bertanggung-jawab kalau perkara ini membiak.

Untuk mengatasi dari berlaku-nya perkara itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyeru kepada dewan2 peniagaan, pekedai2 dan ahli2 perniagaan supaya bekerjasama bagi menchegeh kenaikan harga2 barang makanan di-negeri ini yang dilakukan dengan chara yang terkeluar dari kebiasaan.

Beliau menekankan bahawa dewan2 perniagaan hendak-nya berusaha untuk mengekalkan kebahagiaan di-samping memberikan kerjasama yang penoh yang bukan saja untuk menjaga keharmonian bahkan juga sa-bagai satu tanda taat setia mereka kepada negara.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga menyeru seluruh raayat supaya berwaspada dalam menghadapi masaalah2 hidup, kerana kita tidak rela negara kita ini di-jadikan gelanggang kekacauan dan penindasan.

Kejadian yang berlaku di-negara2 jiran, tegas beliau, biar-lah di-jadikan sa-bagai satu tauladan dan di-jadikan asas yang kukuh bagi mempertahankan ketenteraman dan keharmonian dalam negeri yang kita nikmati sa-lama ini.

Beliau juga menyeru guru2 di-negeri ini supaya menjalankan kewajipan dan tanggungjawab mereka terhadap anak2 (LIHAT MUKA 8)

Jalan Tasek Lama di-jadikan satu hala

BANDAR BRUNEI. — Jalan Tasek Lama telah di-jadikan jalan satu hala mulai hari Isnin 30 Jun lepas.

Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Brunei/Muara ketika mengumumkan bahawa langkah ini di-buat ia-lah untuk memasang kibal dan pembeinaan saloran ayer kotor di-sepanjang jalan tersebut.

Mulai dari hari itu kenderaan yang datang dari bandar melalui Jalan Kianggeh

hendak-lah membelok ka-kiri ka-Jalan Bendahara Satu dan terus mengikut Jalan Sultan.

Kenderaan2 masuk ka-Jalan Tasek Lama dari Jalan Bereta hendak-lah membelok ka-kiri dan lalu lintas dari Jalan Lintang dan Jalan Bendahara Dua hendak-lah membelok ka-kanan.

Jalan Lintang sekarang ini di-jadikan jalan dua hala untuk membolehkan perjalanan lalu lintas masuk ka-Jalan Tasek Lama.

JANGAN SEBARKAN BERITA2 ANGIN.

Peniaga2 di-seru supaya jangan menaikkan harga barang2

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengingatkan kepada ahli2 Dewan Perniagaan China di-daerah Belait supaya jangan menaikkan harga barang2 di-daerah itu berhubung dengan kenaikan gaji Askar dan Pulis.

Pegawai Daerah Belait itu berkata demikian kepada ahli2 Dewan Perniagaan China Daerah Belait dalam satu perjumpaan yang di-adakan di-bilik persidangan Pejabat Daerah Belait pada hari Sabtu lepas.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata, akibat dari kenaikan gaji Askar dan Pulis itu jangan-lah peniaga2 di-Daerah itu mengambil kesempatan menaikkan harga barang sa-bagai tangga lunchatan.

Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China di-Daerah Belait telah memberi jaminan kepada Pegawai Daerah bahawa mereka tidak akan menaikkan harga barang2 untuk menchari keuntungan yang berlebihan.

Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China itu berkata, pehak-nya akan menjual barang2 terutama barang2 makanan dengan harga yang berpatutan bahkan akan menjual sedikit lebeh murah daripada harga yang di-dapati di-kedai2 di-daerah lain.

Belaui berkata, peniaga2 di-Daerah Belait tidak akan mengambil sa-barang kesempatan yang hanya menguntungkan sa-golongan kecil dan akibat-nya juga boleh mendatangkan kemalangan kepada masyarakat umum khusus-nya mereka yang berpendapatan rendah.

Ahli2 Dewan Perniagaan China itu juga telah berikrar akan memberikan kerjasama mereka kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan untuk menjaga nama baik negeri Brunei bagi mengekalkan keamanan, ketenteraman dan kemamoran negeri ini.

Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Daerah Belait akan menyambut perayaan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sa-lama satu minggu, mulai 20 Julai.

Kemunchak dari achara sambutan ia-lah satu perbarisan kehormatan di-padang Jalan Penglima dan buat pertama kali-nya, akan di-adakan satu perarakan kenderaan2 pengangkut kerajaan.

Achara2 sambutan perayaan itu sedang di-ranchangkan oleh jawatankuasa sambutan, hari keputeraan daerah Belait, yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Sa-orang juruchakap bagi badan jawatankuasa itu berkata, seperti sambutan di-masa2 sudah, lumba perahu juga akan di-adakan di-sungai Belait.

Ranchangan sambutan itu termasuk perarakan di-ayer dan tanggolong, pasar gembira, pertunjukan kanak2 persembahan aneka warna, oleh kanak2 sekolah dan belia, pertunjukkan budaya antara bangsa, perlawanan terek tali, dan lumba kereta go-kart.

Perlawanan bola sepak, satu pameran lukisan dan yang berchorak ugama, juga termasuk dalam ranchangan sambutan perayaan di-Belait itu.

Juruchakap itu berkata, Shariat Penerbangan Malaysia-Singapura, akan menghadiahkan tiket perchuma pulang balek Singapura-Brunei, kepada pemenang peradu-an Ratu Keputeraan.

Pameran bunga2 orchid akan di-anjarkan oleh Perkumpulan Orchid Brunei dan Kelab Taman Seria, dan pertunjukkan itu termasuk lain2 jenis bunga.

Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait akan mempersembahkan pameran, pertunjukkan tangan, kaum wanita.

Awang Chin hadhiri kursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Penolong Warden, Awang Chin Nyuk Foon dari Jabatan Penjara telah berlepas ka-United Kingdom untuk menghadiri kursus bagi pegawai2 penjara di-Wakefield.

Awang Chin akan berada di-sana sa-lama tiga bulan.

Dalam tahun 1966 Awang Chin telah menghadiri kursus Pentadbiran Kanak2 nakal dan Penjara di-Malaysia Barat sa-lama enam bulan dan juga mengikuti kursus Kebajikan Masyarakat dan Penjara di-Singapura sa-lama enam minggu.

Aneka warna persatuan2 belia

BANDAR BRUNEI. — Persatuan2 belia dan badan2 kebajikan di-Daerah Brunei Muara, akan mengadakan Persembahan Malam Aneka Warna, sa-bagai sempena menyambut Hari Keputeraan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23.

Persembahan Malam Aneka Warna itu, akan di-adakan sa-lama enam malam berturut2, mulai 15 Julai, di-Padang Besar Bandar Brunei, dan di-Pekarangan Istana Darul Hana.

Persatuan2 dan badan2 kebajikan di-Daerah Brunei Muara, yang ingin mengambil bahagian dalam persembahan itu, hendak-lah menghantar permohonan mereka, kepada Awang Mahmud bin Pengarah Di-Gadong.

RAF tewaskan pasokan tempatan



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof sedang di-perkenalkan kepada pemain pasokan Brunei sa-belum perlawanan di-mulakan pada hari Ahad lepas.

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak Tentera Udara Di-Raja British, yang di-tempatkan di-Changi, Singapura telah menewaskan pasokan2 tempatan dalam ketiga2 perlawanan persahabatan yang telah berlangsung di-Padang Besar Bandar Brunei pada minggu lalu.

Dalam perlawanan pertama

pada 27 Jun pasokan RAF itu telah mengalahkan pasokan Daerah Brunei dengan 4 gol berbalas tiga.

Pada 28 Jun pasokan pelawat itu telah berjaya mengalahkan pasokan Daerah Belait dengan enam gol berbalas empat.

Sementara perlawanan yang ketiga antara pasokan Negeri Brunei, pasokan RAF itu telah berjaya menewaskan pasokan tersebut dengan lima gol berbalas dua.

Kunjungan pasokan RAF itu ka-sini ada-lah di-anjarkan oleh Kelab Penerbangan Di-Raja Brunei.

Pasokan ini ada-lah salah sa-buah pasokan bola sepak yang kuat di-Republik Singapura.

Lebeh dari 15,000 orang telah menyaksikan perlawanan2 yang di-adakan sa-lama tiga hari itu.

Ketiga2 perlawanan tersebut telah di-adili oleh S/Sgt. White dari Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Jamuan untuk penghuni2 Rumah Orang Tua 15 Julai

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait merancang hendak menganjarkan perlawanan bola keranjang tahun ini untuk mengutip derma bagi menambahkan pendapatan-nya.

Ini telah di-persetujui dalam mashuarat bulanan majlis itu baru2 ini apabila ia-nya di-nyatakan bahawa baki kumpulan wang majlis itu tidak akan mencukupi untuk memenohi tanggong2 jawap-nya yang ada sekarang.

Majlis itu telah pun membayar lima hadiah biasiswa yang berharga \$150 tiap satu kepada sekolah2 misi yang berkenaan tetapi ia-nya akan menghadapi kekurangan sa-banyak \$4,000 pada penghujung tahun ini jika usaha tidak di-buat untuk mengutip lebeh banyak lagi wang.

Wang yang di-berikan oleh majlis itu kepada orang2 miskin dan kepada orang2 yang memerlukan bantuan ke-

banyak-nya ia-lah wang derma dari orang ramai.

Bulan lepas ia telah menerima derma sa-banyak \$100 dari mess sarjan pasokan Gurkha Rifle di-Seria.

Mashuarat itu juga bersetuju bahawa penghuni2 Rumah Orang Tua di-Seria hendak-lah di-berikan jamuan istimewa pada 15 Julai untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23.

UGAMA Islam menyuruh dan menggalakkan pemelok2-nya menuntut ilmu pengetahuan seperti yang di-sabdakan oleh Rasulullah sallallah alai-wassalam:

وسلم طلب العلم فريضة على كل مسلم ومسلمة

yang maksud menuntut ilmu itu wajib ka-atas tiap2 orang Islam, sama ada lelaki atau pun perempuan.

Pengertian ilmu pengetahuan tidak-lah terhad kepada mengetahui fardhu 'ain sahaja, bahkan meliputi segala ilmu pengetahuan yang menjadi alat kemulaian hidup di-dunia ini untuk di-jadikan jambatan menuju kehidupan yang bahagia di-akhirat nanti.

Berhubung dengan ilmu pengetahuan ini Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negeri Brunei dalam istiadat menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 maktab perguruan Brunei pada 21 Jun, 1969 telah bertitah seperti berikut:

"Dengan tegas beta nyatakan bahawa masa hadapan rayat beta dan negeri ini sa-bahagian besar-nya ada-lah terletak pada kesempurnaan sistem pendidikan dan mempelajari dan mengindahkan laila pendidikan dan lebeh penting

lagi chara dan tata pengajaran juga latehan yang mereka terima dari kechil hingga dewasa."

Titah tersebut menyatakan dengan tegas bahawa masa depan raayat dan negara Bru-

nei, sa-bahagian besar-nya terletak kepada empat perkara:

- * ujud-nya sistem pendidikan yang sempurna
- * kesedaran terhadap penting-nya mempelajari dan mengindahkan pendidikan
- * memperbaiki dari masa ka-satu masa chara dan tata pengajaran, dan
- * ada-nya latehan2 yang sempurna.

Menyentuh kemajuan sains dan teknologi sekarang ini yang mana kemajuan dalam bidang itu sangat-lah besar arti-nya dalam sa-buah negara yang sedang membangun seperti negara kita ini, khas-nya perkembangan dan kema-



juan negara yang mengkehendaki penggunaan jentera2 dan tenaga manusia yang terlateh apa lagi mengingati akan perlu ada-nya penyelarasan dan pembahagian tenaga manusia yang aktif dalam bidang pembangunan, maka perkara tersebut tidak-lah dapat di-abaikan dan sa-benar-nya perkara ini telah di-sentuh oleh Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda itu seperti berikut:

"Laila ilmu teknik moden, hendak-nya kita bela, pelihara kita asoh sa-baik2-nya untuk menambah melailakan pengetahuan kita sendiri."

Berdasarkan titah Duli Yang Maha Mulia itu dan mengingati akan ajaran2 agama kita yang maha suchi sangat-lah perlu anak2 kita di-galakkan untuk menambah ilmu pengetahuan mereka dalam sa-genap bidang dengan niat yang suchi untuk berkhidmat kepada bangsa, negara dan agama sa-mata2 kerana Allah.

Tutong Satu pileh wakil2 ka-peraduan membacha Koran

TUTONG. — Sa-ramai 38 murid2 lelaki dan perempuan dari 12 buah sekolah agama bahagian Tutong Satu telah mengambil bahagian dalam Peraduan2 Membacha Koran dan Sharahan Agama yang telah di-adakan di-Masjid Hassanah Bolkiah di-Pekan Tutong pada hari Juma'at lepas.

Pemenang2 pertama dan kedua dari tiap2 bahagian dalam peraduan2 itu — telah di-pileh mewakili Tutong Satu dalam peraduan2 daerah, membacha Koran dan Shara-

han Uagama yang akan di-adakan pada 12 Julai 1969.

Peraduan2 tersebut telah dibuka oleh Nazir sekolah2 Uagama Daerah Tutong, Che'gu Zarkashi bin Haji Yusof, dan hadiah telah di-sampaikan oleh Ahli Mashuarat Daerah, Awang Haji Hanafi bin Daud.

Peraduan membacha Koran

TUTONG. — Peraduan membacha Koran dan sharahan bagi sekolah2 Uagama Bahagian Tutong Dua, akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Kupang, batu 15 Jalan Tutong pada hari Juma'at 4 Julai, mulai jam 8.00 pagi.

Peraduan itu ia-lah bagi memilih wakil2 Tutong Dua ka-peraduan peringkat daerah yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Ahli2 jawatankuasa peraduan menyeru penduduk2 di-Kampung Kupang dan orang ramai, supaya mengunjungi, kerana menyaksikan peraduan itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Julai, 1969 hingga ka-hari Selasa 8 Julai, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
3 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
4 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
5 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
6 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
7 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
8 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Sambutan Maulud di-Kg. Kupang

TUTONG. — Penduduk2 di-Kampung Kupang telah menyambut Maulud Nabi dengan mengadakan beberapa persembahan yang berchorak agama di-dewan Sekolah Melayu Kupang, pada hari Jumaat lepas.

Di-antara acara yang telah di-persembahkan pada hari itu termasuk-lah nashid dan bacaan Koran.

Sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Uagama telah memberikan sharahan mengenai sejarah perjuangan dan ajaran2 rasulullah s.a.w.

2 Julai, 1969.

HARGA BARANG NAIK?

BERIKUTAN dengan kenaikan gaji bagi satengah2 kakitangan Kerajaan termasuk anggota2 Polis dan Askar Melayu Di-Raja Brunei baru2 ini, maka timbul perhubungan menaikkan harga barang2 makan seperti ikan dan lain2-nya.

Jika ini menjadi satu kenyataan kemudian, maka tidak dapat di-sangkal akan timbul keadaan yang gelisah di-kalangan penduduk2 negeri ini terutama yang berpendapatan kecil.

Hakikat ini ada-lah penoh di-sedari dan ada-lah satu perkara yang wajib pula segera di-laksanakan usaha2 bagi membantukan-nya agar tidak menjadi satu kenyataan kelak.

Pekedai2 dan peniaga2 memang bertujuan untuk mencari keuntungan, tetapi mereka harus menguasai daya berfikir yang mempunyai pandangan2 yang luas dan tidak hanya terhad kepada kira2 untong rugi sahaja, kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab yang amat penting terhadap kebahagiaan masyarakat. Hubungan mereka dengan masyarakat memang tidak dapat di-pisah2kan dan jangan-lah hendak-nya hubungan yang erat itu akan menjadi retak di-sebabkan rasa tamak mereka yang juga akibat-nya akan menggendalkan kemajuan perniagaan mereka.

Di-negeri kita ini telah di-tubuhkan Dewan2 Perniagaan sebagai satu tempat untuk ahli2 perniagaan bergabung dan berganding bahu dalam soal2 kemajuan perniagaan mereka. Kita kira tentu-nya Dewan2 itu tidak hanya memikirkan hal2 kemajuan perniagaan di-kalangan ahli2-nya, tetapi juga harus menumpukan perhatian agar peniaga2 di-negeri ini tidak mengamalkan dasar2 yang menurut sakedah hati mereka sahaja tanpa melalui saluran2 yang tertantu dan meyakinkan. Sa-suatu tindakan, apalagi dalam soal menaikkan harga2 barang makanan haruslah di-fikirkan dengan sa-masak2-nya terlebih dahulu dan peniaga2 harus menyimpan perasaan bertanggung-jawab.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam satu ucapan berhubung dengan harga barang2 keperluan itu menyatakan bahawa tanpa perasaan tanggung-jawab dari ahli2 perniagaan terutama sekali melalui Dewan2 Perniagaan mereka, Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kemewahan, ketenteraman, keharmonian dan keselamatan rakyat terpaksa-lah akan berikhtiar bagi mengambil satu langkah yang nanti-nya hanya menyekat kelichinan perjalanan perniagaan mereka.

Dari sini, maka peniaga2 itu harus faham bahawa jika mereka menaikkan harga2 barang dengan sa-suka hati yang mementingkan diri mereka sendiri dengan tidak melalui saluran2 yang tertentu, maka Kerajaan akan mengambil langkah yang berpatutan sa-timpal dengan perbuatan mereka itu. Ini bukan-lah satu langkah yang termasuk dalam kamus perkataan "kejam", tetapi ada-lah satu langkah yang tujuan-nya semata2 untuk mengekalkan kebahagiaan, keamanan dan ketenteraman rakyat dan negara.



Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dengan di-temani oleh Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Awang MacInnes melawat ka-bilek2 darjah sa-telah upacara merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Mulaut.

Murid2 Darjah Satu Sekolah Melayu Anggerek Desa sedang belajar membaca.

Sa-orang guru sedang mengajar murid2-nya di-halaman Sekolah Melayu Anggerek Desa.



SAMBUTAN HARI PELAJAR SEK. MELAYU RENDAH

HARI Pelajar baru saja berakhir pada hari Ahad, 29 Jun sejak di-mulakan pada awal bulan lepas. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah merasmikan pembukaan Hari Pelajar itu pada 7 Jun dan menyaksikan satu rapat yang di-hadiri oleh kira2 5,000 murid2 sekolah di-seluruh negeri di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Sejak hari itu sa-hingga 29 Jun, seluruh sekolah2 Melayu di-negeri ini telah mengadakan Hari Pelajar pada tarikh2 yang berasingan.

Sa-telah mengadakan hari pelajar itu, maka tujuan asal-nya yang antara lain bermaksud untuk

memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga2 murid bagi menyaksikan bagaimana keadaan anak2 mereka di-sepanjang hari2 persekolahan itu telah mencapai kejayaan, walaupun di-satengah2 sekolah maseh terdapat keadaan yang agak lenggang sedikit.

Tetapi keadaan itu tidak-lah atas sebab kelemahan guru, tetapi juga sa-tengah2 ibu bapa maseh lagi tidak begitu menyedari bagaimana peranan mereka terhadap anak2 mereka yang sedang bersekolah.

Mereka maseh ada yang berpendapat bahawa anak2 mereka itu di-serahkan ka-sekolah ada-lah di-bawah tanggungan guru dan mereka tidak mahu ambil tahu tentang burok baik-nya anak2 mereka itu belajar, tetapi yang pasti-nya mereka mahu anak2 mereka chepat pandai mengenal huruf dan tahu kira mengira.

Untuk mencapai maksud supaya anak2 mereka chepat pandai, maka ibu bapa seperti ini harus sentiasa menjaga dan mengawasi anak2 mereka yang di-hantar ka-sekolah itu dan tidak-lah hanya di-serahkan bulat2 kepada guru untuk memimpin mereka. Hari Pelajar ini-lah yang sa-baik2 waktu-nya untuk mengetahui keadaan anak2 mereka di-sepanjang persekolahan dan kerana itu hari pelajar harus di-sambut dengan sa-baik2-nya.

Walaupun begitu, sa-bilangan besar sekolah2 Melayu di-negeri ini telah mendapat perhatian yang menggalakkan dari ibu bapa dan penjaga2 murid. Pada keseluruhan-nya hari pelajar di-sambut dengan meriah.



Pmk. Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof sedang memerhatikan hasil pertukangan tangan yang di-buat oleh murid2 Sekolah Melayu Mulaut.



Masak-masakan juga telah di-tunjukkan ketika Hari Pelajar Sekolah Melayu Raja Isteri. Gambar menunjukkan kaum ibu sedang menyaksikan masak-masakan yang di-masak oleh murid2 Darjah IV.



Sa-orang guru perempuan di-Sekolah Melayu Anggerek Desa sedang mengajar di-halaman sekolah tersebut.

Sa-bahagian daripada hasil pertukangan tangan yang di-pamerkan dalam Hari Pelajar di-Sekolah Melayu Anggerek Desa.



Bersempena dengan Hari Pelajar Sekolah Melayu Kiulap, satu upacara menyampaikan sijil kepada pelajar2 kelas Dewasa juga telah di-adakan. Gambar menunjukkan Dayang Siti Alam bte. Munaf sedang menerima sijil daripada Awang Mohd. Yusof bin Daud.



Sa-lain daripada mempelajari mata2 pelajaran, murid2 perempuan juga di-ajar jahit menjahit dan sulam menyulam seperti kelihatan di-atas.



Upacara menyampaikan hadiah2 kepada pemenang dalam berbagai bahagian ketika di-adakan Hari Pelajar Sekolah Melayu Anggerek Desa.

Murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri sedang belajar.

APA DIA SEMANTIK?

"BANYAK guru, doktor, hakim, insinyur (jurutera); banyak orang buku-nya satu gudang dan diploma-nya sa-gulong besar dan digri-nya satu ela, dalam masyarakat menjadi mati, sebab dia bukan orang masyarakat."

Demikian-lah kata Dr. Hamka dalam buku-nya 'Peribadi'. Dalam kata lain, berlainan dengan sa-ekor kerbau yang nilai-nya pada tuboh-nya, gemok-nya, kuat-nya, kepandaian-nya mengela pedati atau membajak di-sawah, maka harga manusia terletak pada peribadi-nya.

Dalam siri ketiga tajok 'Apa Dia Semantik?' telah kita bincang satu dari sekian banyak kata2 baru yang bentuk dengan kata swa (kata dari bahasa Sanskrit dengan makna sendiri) ia-itu swa-kerja yang arti-nya kerja sendiri atau otonom. Kali ini baik-lah kita ambil satu lagi kata baru yang di-bentuk dengan kata *tuna* ia-itu tuna-peribadi.

Ada pun kata 'tuna' berasal dari bahasa Jawa dengan arti 'rugi', maka tuna-peribadi bermakna rugi-peribadi atau tanpa peribadi atau pun tidak punya peribadi atau pun peribadi yang sangat lemah. Sa-bagaimana kata Dr. Hamka, salah satu gejala2 sa-orang yang kurang peribadi itu ia-lah sifat *egoistik* sifat mementingkan diri sendiri dalam arti umpamanya orang yang hanya dipenuhi perasaan sa-mata, sentimen sa-mata, bila ia sayang, ia lupa akan segala kesalahan dan bila ia benchi ia pun lupa akan segala kebajikan.

AKHLAK

Mari-lah kita kaji bersama satu aspek termustahak dalam peribadi sa-seorang itu, itu-lah dari segi akhlak. Ada pun akhlak bermakna budi pekerti, sopan santun, adab suila atau pun sendi manusia yang penting dari sa-suatu masyarakat peradaban pada lahir dan bathin-nya. Lawan kata akhlak ini sudah tentu krisis-moral, krisis akhlak atau pun tuna-akhlak atau pun tuna-peribadi.

Sayogialah lebih kurang dua puluh tahun di-perlukan untuk memimpin sa-orang manusia dari keadaan tumbuh2an atau pun lembaga jenin, sa-waktu ia maseh ada dalam kandungan ibu-nya, serta keadaan mahlok murni yang merupakan nasib daripada masa kanak2-nya yang mula2, menuju kepada keadaan sa-waktu keremajaan, kedewasaan daripada pemikiran-nya mulai tampak. Kira2 tiga puluh abad lama-nya di-perlukan untuk mengetahui sedikit banyak-nya tentang susunan bangunan tuboh-nya dalam jangka lingkungan hidup manusia. Mungkin di-perlukan sa-lama2-nya untuk mengetahui sedikit sa-banyak-nya tentang jiwa-nya. Tetapi, hanya sa-kejap masa sahaja di-perlukan untuk membunuh-nya dengan ketiadaan

al-akhlak, ketiadaan peribadi atau tuna-peribadi.

Di-sini-lah terletak-nya istilah 'krisis akhlak, atau pun krisis moral tuna-moral, tuna-akhlak, tuna-peribadi, dalam makna ketiadaan rasa tanggung-jawab kehilangan sopan santun, tidak menghormati nyawa dan harta benda orang lain tidak memuliakan lagi nilai, bekerja menurut waktu yang di-tetapkan sendiri, bukan menurut waktu yang di-tetapkan dalam perjanjian saboleh2-nya jangan kerja, jangan banyak kerja, hanya berbual2, goyang2 kaki saja, tetapi gaji di-tuntut-nya penuh dan sa-bagai-nya.

INDIVIDU

Kembali kepada ucapan Dr. Hamka tadi, memang-lah ilmu pengetahuan itu ada-lah untuk kepentingan bersama, sa-sama manusia untuk kesejahteraan mahlok manusia. Tetapi, sa-lagi ada manusia yang bersifat 'individu' dalam arti egoiseik mementingkan diri sendiri dalam segala lapangan kehidupan-nya, maka ia-nya mungkin tersingkir, jadi batu terantuk bagi jiran2-nya. Memang tepat juga kira-nya kata pakar2 ilmu masyarakat bahawa manusia itu di-lahirkan be-

Oleh
AWANG RAYMOND PHOA KIM HONG

SIRI KE-EMPAT

bas, tetapi di-mana2 di-terbelenggu, di-antara manusia dan dengan manusia ada terdapat tali ranti persetujuan, permuafakatan - masyarakat, di-mana sa-orang itu bebas berbuat apa2 saja kehendak-nya sa-lagi dia tidak melanggar kebebasan orang lain. Ini berarti penting-nya peribadi, bukan tuna-peribadi manusia.

TIMBANG RASA

Sa-kali lagi di-sini-lah pula letak-nya sifat timbang rasa, hormat menghormati, harga-menghargai, tolong-menolong di-sebabkan manusia tidak-lah hidup memulau, terpenchil sa-bagai petualang Robinson Crusoe di-Pulau Fernandez, melainkan dalam jalinan masyarakat-nya. Sifat ka-akuan atau 'ego' kata orang asing harus di-tinggalkan. Manusia tidak harus di-bebani oleh 'aku'-nya, tetapi oleh 'hidup bermasyarakat'.

Kembali sa-mula kepada ucapan Dr. Hamka, sa-orang yang berilmu tinggi tidak sa-harus-nya menindas orang yang rendah, umpama-nya sa-orang pakar sains nuklear yang sa-mesti-nya berusaha untuk menggunakan tenaga atom atau zat atom untuk kebaikan manusia saperti dalam per-

ubatan, tetapi hanya punya chita2 bagaimana memusnahkan sa-suatu bangsa dalam masa yang sa-singkat2-nya. Memang, jika demikian, sia2-lah buku-nya sa-gudang, diploma-nya sa-gulong besar, digri-nya sa-ela tadi.

Tuna-peribadi, tuna-akhlak, ketiadaan peribadi ketiadaan akhlak menghendakkan '*moral - re-armament*', perbaikan moral samula. Peribadi mustahak dalam umpama-nya mengelakkan apa kata Dr. Hamka sifat manusia yang sa-mata2 di-kendalikan oleh perasaan, sentimen, emosi, bila ia sayang ia lupa akan segala kesalahan dan bila ia benchi ia pun lupa akan segala kebaikan, kebajikan orang. Tuna-peribadi harus di-ganti dengan Peribadi bagi manusia yang bukan hanya hidup2an tetapi hidup dalam arti yang sa-penoh2-nya.

Demikian-lah kita akhiri perbincangan pembentokan kata baru dari kata tuna, dalam kata tuna-peribadi. Minggu hadapan, dalam siri Apa Dia Semantik?, siri ke-lima akan kita teruskan dengan aspek lain dengan tajok pengaruh lingkungan terhadap nilai rasa.

Sekian-lah dan terima kasih.

Peraduan berchuchol dan perarakan di-ayer

BANDAR BRUNEI — Satu perarakan berchuchol di-ayer dan peraduan berchuchol bagi rumah2 di-Kampung Ayer, ada-lah di-antara acara dalam perayaan sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bagi Daerah Brunei/Muara.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa peraduan tersebut menyatakan, peraduan chuchol itu boleh menggunakan minyak atau minyak gas dan lampu letrik, sama ada dengan menggunakan janakuasa sendiri.

Pemenang dalam peraduan itu akan menerima hadiah berupa wang tunai atau piala2.

Borang2 untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari ketua2 kampung masing2 atau dari Pengurus Jawatan-

kuasa Peraduan, Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar dan dari Setiausaha-nya, Awang Tanjong bin Haji Ismail di-Setor2 dan Perbekalan2

Negara, Jalan Gadong, Brunei atau melalui talipon nombor 3151.

Borang2 itu hendak-lah tiba tidak lewat dari 10 Julai ini.

Pameran lukisan dan pertukangan tangan Sek. Melayu

BANDAR BRUNEI — Sekolah2 Melayu di-seluruh negeri, akan mengadakan pameran lukisan dan pertukangan tangan dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu, akan mengadakan pameran tersebut pada 6 Julai di-Sekolah Melayu Sinaut.

Pada hari itu juga, pameran yang sama akan di-adakan di-Sekolah Melayu SMJA Pusu Ulak, Bandar Brunei, bagi sekolah2 Melayu Bahagian Bru-

nei Satu dan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan., Bangar bagi sekolah2 di-Daerah Temburong.

Sekolah2 Bahagian Brunei Dua dan Tiga, dan Bahagian Tutong Dua, akan mengadakan pameran di-sebuah sekolah yang di-pileh, di-kawasan masing2 bulan hadapan.

Sekolah2 Melayu di-Daerah Belait telah mengadakan pameran lukisan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait minggu lepas.

8 REKOD BARU DI-CHIPTA DALAM SOKAN NEGERI

SERIA. — Lapan buah rekod baru telah di-chipta dalam sokan Amateur Negeri Brunei yang telah berlangsung di-Gelanggang Sokan arena Seria pada hari Ahad lepas.

Dua dari rekod baru itu ia-lah dalam bahagian perempuan dan enam dalam bahagian lelaki.

Rekod yang pertama di-chipta pada hari itu ia-lah dalam lumba lari 100 meter bahagian perempuan yang di-buat oleh Dayang Loo Khuan Fong dengan masa 13.2 sa'at.

Awang Ismail Sharbini dari Maktab SOAS telah menchipta rekod baru dalam lumba lari 400 meter dengan masa 52.2 sa'at ia-itu satu sa'at lebih baik dari rekod lama.

Awang Rani Metassan telah memecahkan rekod-nya sendiri dalam lompat pagar 110 meter dengan masa 15 sa'at. Rekod lamanya ia-lah 16.1 sa'at.

Awang Zainal Sanip dari Maktab SOAS telah menchipta rekod dalam lumba lari 200 meter dengan masa 22.4 sa'at.

Awang Chang Siew Khyun juga telah memecahkan rekod lamanya dalam lompat kijang dengan lompatan 45 kaki 10 3/4 inci.

Awang Abdullah A. Rahman memecahkan rekod lumba lari jarak jauh 5,000 meter dengan masa 18 minit 3 sa'at.

Dalam lumba lari berganti2 4x100 meter dalam bahagian perempuan pasukan St. Angles Con-

vent telah menchipta rekod baru dengan masa 55 sa'at.

Rekod terakhir di-chipta dalam sokan itu ia-lah lumba lari berganti2 4x400 meter bahagian lelaki yang di-chipta oleh pasukan Maktab SOAS dengan masa 3 minit 35.5 sa'at.

Sa-ramai 115 orang peserta telah mengambil bahagian dalam 28 acara yang di-pertanding pada hari itu.

Sokan tersebut di-adakan ia-lah bagi memilih wakil2 negeri ini ka-Sokan Borneo yang akan berlangsung di-Kota Kinabalu pada 11 dan 12 Julai ini.

Berikut ini ia-lah keputusan penuh dalam sokan tersebut:

BAHAGIAN LELAKI.

400 meter Lompat Pagar: 1. Bahar Arshad, 2. Siang Gibang, 3. L/cpl. Haji Rabu.

Lompat Bergalah: 1. Abdullah Zakiah, 2. Onn Timbang, 3. W. Zain bin W. Ali.

Lontar lembing: 1. Lee Nyuk Ping, 2. Salim Haji Salleh, 3. Antalan.

100 meter: 1. Rahim Yusof, 2. Royston Abad, 3. Mathew Ho.

1,500 meter: 1. Ibrahim A. Rahman, 2. Zainal Ghana, 3. Ak. Ahmad bin Pg. Omarali.

400 meter: 1. Ismail Sharbini, 2. Terrence Boyd, 3. Zainal Sanip (rekod baru).

Lompat Tinggi: 1. Lim Soon Hock, 2. Chang Siew Khyun, 3. Cpl. Salam.

Lompat Pagar 110 meter: 1. Rani Metassan, 2. Wahid Haji Tungkat, 3. Johari Daud, (rekod baru)

Buang Peluru: 1. A. Sibidol, 2. Razak Abdullah, 3. Antalan.

200 meter: 1. Zainal Sanip, 2. Momin Ibrahim, 3. Abdullah Mustapha. (rekod baru).

Lompat Kijang: 1. Chang Siew Khyun, 2. Cpl. Salam, 3. Yusof Sulaiman (rekod baru).

800 meter: 1. Ismail Sharbini, 2. Bahar Arshad, 3. Ahmad Rashid.

Lempar Piring: 1. Leong Kiang Yew, 2. A. Sibidol, 3. Liew Teck Foh.

Lari berganti2 4x100 meter: 1. Maktab SOAS, 2. BTAC, 3. St Michael & St. Margaret Club.

5000 meter: 1. Abdullah A. Rahman, 2. Kamaluddin Hitam, 3. Apong Laman. (rekod baru).

Lari berganti2 4x400 meter: 1. Maktab SOAS, 2. AMDB 'A' 3. SMMP, Brunei. (rekod baru).

BAHAGIAN PEREMPUAN:

100 meter: 1. Loo Khuan Fong, 2. Annie Yapp, 3. Chee Sek Hin. (rekod baru).



Awang Zainal Sanip (di-kiri sekali) yang telah menchipta rekod baru dalam lumba 200 meter.

Lompat Tinggi: 1. Margaret Chong, 2. Christina Chong, 3. Bridget Chiew.

Buang Peluru: 1. Sanah Tamit, 2. Dk. Noriah Pg. Tuah, 3. Han Hee Eng.

200 meter: 1. Annie Yapp, 2. Tan Moi Geok, 3. Chee Sek Hik.

Lompat Pagar 100 meter: 1. Thong Cheng Khuan, 2. Janet Wong, 3. Sukarni Kadir.

Lompat Jauh: 1. Thong Cheng Khuan, 2. Janet Wong, 3. Margaret Chong.

Lontar Lembing: 1. Masnah Ahmad, 2. Sanah Tamit, 3. Dk. Halimah bte. Pg. Haji. Apong.

400 meter: 1. Janet Wong, 2. Dk. Normah Pg. Tuah, 3. Kamariah Haji Wahab.

800 meter: 1. Dk. Saadiyah Pg. Tuah, 2. Tan Moi Geok, 3. Dk. Normah Pg. Tuah.

Lempar Lembing: 1. Sanah Tamit, 2. Han Hee Eng, 3. Sukarni Kadir.

Lari berganti2 4x100 meter: 1. St. Angles Convent, 2. Chung Ching Middle School, 3. English School Kuala Belait. (rekod baru)




Awg. Abdullah A. Rahman menchipta rekod baru dalam lumba lari 5,000 meter.



Rani Metassan pemenang pertama dalam lompat jauh sedang membuat lompatan terakhir.



Awang Lim Soon Hock pemenang pertama dalam lompat tinggi.



TIGA ORANG PEGAWAI AMDB DI-NAIKKAN PANGKAT MAJOR



Major Mohammad Haji Daud.

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang Kapitan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-naikkan pangkat Major mula 1 Julai, 1969.

Ketiga2 Major baru itu ialah Major Awang Sulaiman bin Damit, Major Awang Mohammad bin Haji Daud dan Major Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Mereka mula memasuki pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam ta-


hun 1961 dan menjadi Kapitan sa-lama empat tahun.

Sa-orang juruchakap Askar Melayu di-Raja berkata, Major Awang Sulaiman, 28 tahun, ialah Pegawai Pemerintah Kampani Pengambilan Orang Baru, Major Mohammad, 26 tahun ialah Pegawai Pemerintah 'C' Kampani dan Major Pengiran Ibnu, 27 tahun ialah Pegawai Pemerintah Kampani Cadre.

Ketiga2 pegawai itu pernah menjalani berbagai kursus di-seberang laut dalam hal senjata, taktik dan kursus payong terjun sama ada di-England atau Australia.

Mereka juga menghadhiri latihan di-Sekolah Latihan Perang Hutan di-Kota Tinggi, Malaysia Barat.

Major Awang Sulaiman bin Damit (kiri) dan Major Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.



Lebeh 200 orang sertai perlumbaan jalan kaki

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan jalan kaki bagi Pandu2 Puteri dan Budak2 Brownie telah di-adakan di-Gadong pada hari Ahad lepas.

Lebeh dari 200 orang Pandu2 Puteri dan Budak2 Brownie telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Pandu2 Puteri telah berjalan sa-jauh lima batu sementara Budak Brownie berjalan sa-jauh dua batu. Perlumbaan tersebut berakhir di-pandang simpang Jalan Gadong dan Jalan Berakas.

Keputusan perlumbaan tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Pandu Puteri: Pertama — Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, kedua — Sekolah St. Andrews dan ketiga — Pasukan Pertama Seria Sekolah Anak2 Gurkha.

Bahagian Brownie: Pertama — Sekolah St. Andrews, kedua — Sekolah Tinggi Raja Isteri dan ketiga Berakas Kem.

Pasukan Sekolah St. Andrews telah berjaya memenangi Perisai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei manakala Sekolah Anak2 Gurkha dari Seria telah memenangi Perisai Mary Wheeler.

Hadiah untuk pasukan yang terbaik sekali dalam semua bahagian telah di-menangi oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah.

Amaran kpd. peniaga2

(DARI MUKA 1)

bangsa yang menuntut di-sekolah2 rendah, menengah dan maktab2 dan hendak-lah terus memimpin mereka ka-jalan yang benar.

Menyentuh tentang terdapatnya Sekolah Mulaut sementara itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mensifatkan-nya sa-bagai satu bakti yang penduduk2 di-ka-wasan itu telah menitik-beratkan usaha di-lapangan pelajaran yang merupakan amat penting bagi asas kehidupan negeri pada masa ini dan akan datang.

Pengorbanan seperti ini, kata beliau, hanya akan dapat di-laksanakan dengan sempurna jika ia-nya mempunyai asas keperchayaan ingin berdiri di-atas tapak kaki sendiri yang terbit dari jiwa yang benar2 chintakan bangsa dan tanah ayer.

Turut berucap dalam majlis itu ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm Mac-Innes.

Sekolah Melayu Mulaut dibena tahun lalu dengan harga \$3,571.00 termasuk \$2,000.00 bantuan Kerajaan dan ia-nya mula di-buka awal tahun ini dengan murid-nya sa-ramai 71 orang.

14 orang lanjutkan pelajaran di-Institute Teknologi MARA

BANDAR BRUNEI. — Saramai 10 orang penuntut dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lalu untuk mengikuti kursus di-Institute Teknologi MARA, Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Sahari bin Awang Besar, Awang Hassanol As'shahi bin Haji Mohd. Jamil, Awang Matzin bin Salleh, Awang Misli bin Haji Tuah, Awangku Othman bin Pengiran Omar, Awang Abdul Rahim bin Haji Musa, Dayang Mordiah bte. Jackie, Awang Zaidin bin Awang, Awang Jaafar bin Haji Saman dan Dayang Shamsiah bte. Abdul Latif.

Awang Sahari dan Awang Matzin akan mengambil kursus dalam jurusan Pengurusan Perusahaan Tanaman, Awang Hassanol As'shahi dan Awang Misli akan mengambil diploma dalam perniagaan, Awangku Othman akan mengikuti kursus dalam pembangunan atau akitik, Awang Abdul Rahim dalam jurusan sains haiwan, Awang Zaidin mengambil jurusan accountancy, Awang

Jaafar dalam jurusan perengkaan, Dayang Mordiah dan Dayang Shamsiah akan mengambil diploma pentadbiran awam.

Lima orang daripada penuntut2 itu telah di-hadiahkan biasiswa Rancangan Colombo yang lain-nya ia-lah atas biasiswa kerajaan Brunei.

Ini ada-lah buat pertama kalinya penuntut2 Brunei di-hantar untuk melanjutkan pelajaran di-institute tersebut.

Penuntut2 tersebut di-jadualkan berada di-Malaysia Barat kira2 sa-lama tiga atau empat bulan.

Sementara itu empat orang lagi penuntut di-jadualkan berlepas ka-Malaysia Barat hari ini untuk mengikuti kursus di-institute yang sama.

Mereka ia-lah Awang Mohd. Serudin bin Apang, Awang Mohd. Zain bin Yahya, Awang Mohd. Jumin bin Marsal dan Awang Khalid bin Haji Ghazali.

KELUARAN SETEM KHAS

SATU keluaran setem khas kerana memperingati Perarakan Al-Marhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-Brunei mulai 10 Julai ini.

Setem itu berharga 12 sen, 40 sen dan 50 sen akan di-jual sa-lama tiga bulan atau sa-hingga ia-nya habis dalam masa itu.

Sampul2 surat rasmi kerana setem tersebut sedang di-jual di-semua pejabat2 pos dengan harga 20 sen tiap2 satu.